

BAB IV

STRUKTUR PENTADBIRAN, PROSEDUR DAN POLISI WAKAF NEGERI MELAKA.

4.1 PENDAHULUAN.

Pada 10 Julai 1511, Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis dan bermulalah zaman penjajahan Barat di Melaka. Penjajahan ini silih berganti dan berterusan sehingga 500 tahun. Pada zaman penjajahan Barat, pentadbiran Negeri Melaka telah bertukar corak dari pentadbiran yang berdasarkan hukum syarak dan adat kepada undang-undang yang dibawa oleh penajah Barat.¹

Apabila dakwah Islam tersebar luas di Kepulauan Melayu, undang-undang Adat dipengaruhi dengan undang-undang Islam, sehinggalah undang-undang Islam dikuatkuasakan.² Pengaruh undang-undang Islam di negeri-negeri Melayu Semenanjung nampak ketara, undang-undang Islam sebagai dasar walaupun tidak sepenuhnya, kerana undang-undang tersebut dipengaruhi oleh undang-undang Adat.³

Di Melaka pada abad ke 15M telah wujud satu undang-undang yang dinamakan “Undang-Undang Melaka”. Walaupun pada masa itu masyarakat Islam masih lagi mengamalkan cara hidup adat yang diwarisi, tetapi sebahagian undang-undang Islam telah dilaksanakan. Undang-undang Melaka mengandungi 44 fasil,

terdapat bahagian khusus tentang peruntukan Undang-Undang Islam yang merangkumi aspek jenayah, ekonomi, keluarga, keterangan dan acara. Fasal-fasal mengenai jenayah ada di dalam fasal 4, 5, 7, 8, 11, 12, 16, 18, 19, 21, 36, 39, 41, 42 dan 43. Manakala dalam bidang ekonomi ada dinyatakan dalam fasal-fasal 29, 30, 31, 32, 33 dan 34. Bidang kekeluargaan pula di dalam fasal 25, 26, 27 dan 28, manakala mengenai keterangan dan acara dalam fasal 26, 32, 37 dan 38.⁴

Seterusnya dilihat dalam Undang-Undang Pahang yang diusahakan semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafar (1592-1614M) mengikut Risalah Hukum Kanun didapati pengaruh adat Melayu semakin berkurangan dan undang-undang Islam umumnya diikuti. Di Johor Undang-Undang Johor juga mengikut Risalah Hukum Kanun dan sebagai tambahan pada awal abad kedua puluh, pengkanunnan undang-undang Islam yang dibuat di Turki dan Mesir diterjemahkan dalam bahasa Melayu dan digunakan. Dalam tahun 1895, perlembagaan didraf bagi Johor dan ini biarpun menunjukkan pengaruh penggubalan peguam-peguam Inggeris, sedikit sebanyak ada menunjukkan pengaruh undang-undang Islam. Di Terengganu, perlembagaan tahun 1911 menunjukkan ada pengaruh undang-undang Islam. Sebagai tambahan, terdapat undang-undang mengenai penubuhan mahkamah dikeluarkan pada tahun 1885 yang nampaknya membuat peruntukan bagi pentadbiran undang-undang Islam di negeri itu.⁵

Contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa ada percubaan sebelum kedatangan British untuk mengubahsuai undang-undang adat Melayu dan mengambil undang-undang Islam. Proses itu terhenti apabila British datang ke Tanah Melayu.

Pada keseluruhannya Hukum Kanun Melaka boleh dikatakan sebagai pengumpulan undang-undang Melayu yang mempunyai unsur undang-undang Hindu yang disadur pula dengan undang-undang Islam.⁶ Undang-undang tersebut sudah cukup kuat untuk menyatakan Islam pada masa itu sudah menjadi agama negara. Agama Islam turut menjadi dasar perundangan yang meliputi jenayah, ekonomi dan kekeluargaan telah dilaksanakan untuk semua kaum dan agama.⁷

Kesimpulan dari sejarah pemakaian undang-undang di Malaysia menunjukkan sebelum penjajah undang-undang Islam diterima pakai di Tanah Melaya dan semasa penjajah perubahan pentadbiran berlaku di mana undang-undang penjajah diperkenalkan dan undang-undang Islam disempitkan pemakaianya. Maju atau mundurnya pentadbiran orang-orang Islam terserah sepenuhnya kepada kepada masyarakat Islam sehinggalah negeri Melaka dan negeri-negeri lain mencapai kemerdekaan melalui persekutuan Tanah Melayu pada 31hb. Ogos 1957.

Hukum syarak yang digunakan di Melaka pada masa kini berpandukan kepada Mazhab Syafi'i. Sungguhpun pendapat Imam-Imam Maliki, Hanbali dan Hanafi masih dihormati.⁸ Kerajaan Negeri Melaka telah meluluskan beberapa peraturan dan undang-undang Islam seperti, Peraturan Bagi Kawalan Perkahwinan dan Penceraiatan Orang-Orang Islam 1958, Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak 1959, Peraturan Kerja Zakat dan Fitrah 1960 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1983.⁹

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan di bawah perkara 74 dan 77 yang mana Kerajaan Negeri bertanggungjawab mengenai hal ehwal Agama Islam.

Peruntukan ini termasuklah segala perkara mengenai amanah, khairat, wakaf dan juga kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenainya.¹⁰

Semua negeri di Malaysia mempunyai harta tanah wakaf, kebanyakannya ditadbir oleh Majlis Agama Islam. Sistem pengurusan harta tanah wakaf di sesebuah negeri bergantung kepada bagaimana sesebuah negeri itu melaksanakannya.

Dalam konteks negeri Melaka, sejarah pentadbiran dan pengurusan harta wakaf telah ditadbir oleh Lembaga yang diwujudkan mengikut Undang-Undang Wakaf Orang Islam dan Hindu yang disebut sebagai Muslim and Endowments Ordinance 1911.¹¹

Pentadbiran dan pengurusan harta wakaf telah diambil alih sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam sebaik sahaja tertubuhnya Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak (bil.1) 1959 dan Peraturan Bagi Mengawal Masjid-Masjid, Madrasah-Madrasah dan Tanah-Tanah Perkuburan. Majlis diberi kuasa mutlak untuk mentadbir segala harta wakaf yang berada di seluruh negeri Melaka. Dengan ini, tanah wakaf tidak boleh diambil balik atau dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Akta ini bertujuan memperbaiki pengurusan harta wakaf dan menjamin pemeliharaan harta orang Islam dengan sewajarnya¹².

Perlembagaan Persekutuan dalam perkara 3(2) memperuntukkan Raja atau Sultan adalah Ketua Agama bagi negeri-negeri yang mempunyai Raja dan Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Agama bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai

Sultan atau Raja. Manakala bidang kuasa Hal Ehwal Agama Islam atau hukum syarak disenaraikan di dalam Jadual Kesembilan senarai 2(1).¹³

"Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Hukum Syarak dan undang-undang diri bagi orang yang menganut ugama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan , perkahwinan, pencerian. Maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama, pelantikan-pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan Khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu, Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil ugama Islam yang seumpamanya".

Bagi menjalankan polisi atau dasar mengenai Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, maka ditubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu yang diberi taraf sebagai Badan Berkanun. Majlis adalah berfungsi sebagai badan yang merangka dasar-dasar dan membuat segala polisi yang berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam termasuk mengenai wakaf.¹⁴

Penubuhan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang mempunyai Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak sendiri yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing adalah berfungsi melaksanakan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam.¹⁵

Peruntukan Perlembagaan di atas, memperlihatkan setiap negeri di negara ini mempunyai pentadbiran berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islamnya sendiri. Pentadbiran ini bertanggungjawab merangka segala aktiviti, perancangan, program

yang berkaitan dengan pentadbiran Agama Islam khususnya mengenai Pentadbiran Wakaf.¹⁶

4.2 PENUBUHAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM).

Sebelum Melaka mencapai kemerdekaan melalui Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957, tidak terdapat satu institusi Agama yang ditubuhkan oleh Kerajaan Inggeris untuk menguruskan Hal Ehwal Agama Islam. Maju atau mundur Pentadbiran Agama Islam dan masyarakat terserah sepenuhnya kepada masyarakat Islam itu sendiri, sehingga Melaka mencapai kemerdekaan melalui Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.¹⁷

Majlis Agama Islam Melaka ditubuhkan dengan rasminya pada 1 Rabiulawal 1380H bersamaan dengan 28 September 1960. Upacara perasmian diadakan di Bangunan No. 272, Jalan Tengkera dan bangunan ini menjadi bangunan pertama Pejabat Majlis Agama Islam.¹⁸

Majlis Agama Islam Melaka adalah badan yang merangka dasar Pentadbiran Agama dan selaku penasihat kepada ketua Agama. Jabatan Agama Islam pula adalah merupakan badan pelaksana dan menjalankan pentadbiran harian Hal Ehwal Agama Islam. Manakala Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa pegawasan perlaksanaan undang-undang Syariah supaya ianya berjalan dengan baik mengikut peraturan yang telah ditetapkan.


Kuasa Majlis dalam Hal Ehwal Agama Islam diperundangkan melalui seksyen 27 Enakmen Pentadbiran Hukum syarak No. 5 1991 memperuntukkan bahawa:

Majlis hendaklah membantu dan menasihati perkara yang berhubung dengan Agama Islam kecuali perkara Hukum Syarak dan berhubung dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai negeri dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam Negeri Melaka selepas Yang Dipertuan Agong, kecuali yang diperuntukan disebaliknya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen yang berhubung dengan Agama Islam.¹⁹

Peruntukan ini menunjukkan Majlis mempunyai kuasa yang luas untuk merangka serta melaksanakan peraturan-peraturan yang berkaitan agama Islam bagi kemajuan umat Islam di Negeri Melaka. Sebarang peraturan dilaksanakan bagi menjamin kemajuan serta pembangunan umat Islam dan Agama Islam itu sendiri.

Berdasarkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991 di atas menyatakan bahawa Majlis Agama Islam sebagai badan tertinggi untuk memberi nasihat dan membantu Yang Dipertuan Agong dalam menjalankan tugasnya sebagai ketua Agama Islam. Yang Dipertuan Agong bertanggungjawab melantik beberapa ahli-ahli Majlis Agama Islam Melaka dan menetapkan perkara-perkara lain mengenai Agama Islam di Melaka. Dari aspek pengubalan dasar-dasar Kerajaan Negeri mengenai agama Islam yang diputuskan oleh Majlis perlu dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Agong untuk mendapat kelulusan. Selepas diluluskan oleh Yang Dipertuan Agong melalui Majlis Agama Islam, badan yang bertanggungjawab menjalankan segala dasar yang dibuat oleh Majlis ialah Jabatan Agama Islam, ini dapat dilihat melalui gambarajah di bawah. Rajah 4.2 dibawah menjelaskan proses pengubalan dasar Majlis Agama Islam Negeri Melaka.

Rajah 4.2: Proses Pengubalan Dasar Majlis Agama Islam Negeri Melaka.



Sumber: Majlis Agama Islam Melaka 2000

4.3. OBJEKTIF PENUBUHAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA.

Bermula dari tarikh penubuhannya, Majlis Agama Islam Melaka telah memainkan peranan sebagai sebuah Institusi yang menjaga Hal Ehwal Agama Islam Melaka hingga ke hari ini. Secara umumnya Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) mempunyai objektif untuk melahirkan masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup sempurna mengikut dan menghayati Agama Islam yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah yang meliputi aspek-aspek aqidah, syariah, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan. Begitu juga MAIM bertujuan untuk menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawal dan membasmikan kemungkarana, maksiat, khurafat, bida'ah dalalah dan fikiran-fikiran yang menjelaskan

kesucian Islam mengikut kehendak-kehendak yang termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Bil. 1 Tahun 1992.

Secara khususnya objektif penubuhan Majlis Agama Islam Melaka masa kini adalah seperti berikut:²⁰

- i. Mendorong dan mengerakkan masyarakat Islam ke arah peningkatan ilmu dan amalan yang cemerlang, sesuai dengan tujuan mengwujudkan masyarakat yang berdaya maju, berakh�ak dan beretika tinggi yang berasaskan Islam seperti yang dicita-citakan dalam wawasan 2020.
- ii. Menjalinkan perpaduan kaum di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan budaya melalui dakwah yang mantap dan berkesan.
- iii. Membangun dan memajukan ekonomi secara perancangan yang rapi dan berhati-hati dalam bidang pelaburan, pembinaan dan perniagaan yang tidak bercanggah dengan syarak.
- iv. Membangun dan mengembangkan institusi zakat untuk manfaat masyarakat Islam.

Ternyata dengan adanya Majlis Agama atau Baitulmal, pihak pemerintah dapat menggunakan untuk membiayai projek-projek bagi tujuan jaminan sosial atau menyediakan kemudahan infrastruktur dan pembangunan untuk kebaikan umum sebagaimana terkandung dalam objektif di atas. Sejarah telah membuktikan pelaksanaan bagi tujuan itu telah dilakukan oleh Saidina Umar al-Khattab dengan menubuhkan Baitulmal semata-mata untuk menyelesaikan masalah kewangan yang timbul pada masa pemerintahannya, kemudian dikembangkan lagi bagi mengawal urusan kemasukan harta dan menguruskannya dengan cara yang lebih baik

Seterusnya.²¹ Ditekankan juga objektif Majlis Agama ialah untuk menjalinkan persaudaraan sama ada sesama Islam atau dengan bukan Islam. Bagi menjamin persaudaraan itu perkhidmatan bantuan kewangan atau harta bukan sahaja untuk orang Islam bahkan meliputi orang bukan Islam sebagaimana di antara fungsi baitumal itu sendiri.²²

Daripada objektif yang dirangka itu menunjukkan terdapat dua bentuk hubungan terbentuk, iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan Manusia. Di samping itu juga ia dapat memberikan kemudahan kepada pihak MAIM menjalankan segala aktiviti yang telah dirancang dan seterusnya tidak tersasar dari landasan yang sebenarnya. Seterusnya menggambarkan Majlis bertanggungjawab membangunkan Agama Islam khususnya di negeri Melaka dari aspek pendidikan, ekonomi dan sosial budaya masyarakat Islam.

4.4 LUKMAL (LEMBAGA WAKAF, ZAKAT DAN BAITULMAL).

Untuk mempastikan sistem pengurusan dan pentadbiran MAIM berjalan dengan lancar, tugas-tugas dan fungsi-fungsi MAIM diagihkan kepada beberapa bahagian. Salah satu unit yang ditubuhkan oleh MAIM yang bertanggungjawab dalam mengendalikan harta wakaf di negeri Melaka ialah Lembaga Wakaf, Zakat dan Baitulmal (LUKMAL).

LUKMAL adalah singkatan daripada “Lembaga Urusan Waqaf Dan Baitulmal”. LUKMAL telah ditubuhkan pada 1hb. Disember 1982 yang bertujuan

untuk mengemaskinikan sistem pentadbiran zakat, wakaf dan Baitulmal dengan lebih tersusun sepetimana yang terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, Bil. 1/59. Idea penubuhan LUKMAL ini adalah merupakan satu pendekatan yang baik untuk mengembalikan kegemilangan Institusi Baitulmal sepetimana yang telah diamalkan semasa zaman Rasulullah s.a.w.²³ Antara matlamat penubuhan LUKMAL ialah;


- i. Untuk menjadikan Baitulmal sebagai sumber kewangan Islam Yang memberi manfaat kepada Islam dan masyarakat Islam. Bagi mencapai matlamat ini, telah diwujudkan bahagian pentadbiran, Pembangunan dan Baitulmal yang mempunyai tanggungjawab dan tugas-tugas yang tertentu. Dengan ini dijangka LUKMAL dapat menguruskan sumber-sumber Baitulmal yang sedia untuk diuruskan seperti harta pusaka yang tiada waris, feadah bank yang tidak dituntut oleh orang Islam, sumbangan dan pemberian yang diterima dari pihak-pihak tertentu. Dalam pada itu bagi mencapai matlamat ini, LUKMAL juga menguruskan sumber-sumber Baitulmal yang masih belum diterokai seperti denda-denda yang dikenakan oleh Mahkamah Syariah, baki wang orang-orang Islam yang tidak dituntut yang masih tersimpan di bank dan *fidyah*.²⁴
- ii. Untuk menjadikan zakat sebagai sumber terpenting perekonomian Islam. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, satu keputusan telah diambil untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil Zakat sesuai dengan peruntukan Seksyen 101(1) Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka.

- iii. Untuk memajukan dan membangunkan harta-harta wakaf Majlis, terutamanya harta wakaf dalam kategori Wakaf Am. Untuk menjayakan matlamat ini satu lagi Jawatankuasa Kecil Zakat telah dibentuk di mana Jawatan Kuasa ini dipertanggungjawabkan kepada LUKMAL. Wakaf-wakaf yang ditadbirkan oleh LUKMAL pada masa ini terdiri daripada dua buah masjid iaitu Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling. Kebanyakan wakaf-wakafnya adalah terdiri daripada rumah-rumah sewa, kedai-kedai perniagaan dan juga tanah kosong.
- iv. Untuk meninggikan taraf ekonomi umat Islam dan ia merupakan matlamat yang terpenting. Bagi mencapai matlamat LUKMAL ini satu jawatankuasa pembangunan dan pelaburan telah dibentuk. Pembangunan-pembangunan yang dirancang adalah terdiri dari aspek membangun dan memajukan tanah-tanah wakaf dan Baitulmal dalam negeri ini terutamanya di kawasan bandar. Contohnya menguruskan rumah-rumah sewa dan kedai-kedai perniagaan yang merupakan harta wakaf yang dipunyai oleh kedua-dua buah masjid berkenaan. Di samping itu jawatankuasa ini merancang pelaburan yang lebih berkesan dan memberi manfaat kepada LUKMAL dan masyarakat Islam di Negeri Melaka khususnya dalam bentuk pembelian harta seperti bangunan dan tanah untuk mengusahakan tanaman getah. Contohnya pembelian tanah untuk mengusahakan tanaman getah dan pembinaan stesyen minyak. Dalam pada itu pelaburan dalam bentuk aktiviti kewangan seperti simpanan tetap dan saham juga turut dijalankan.
- v. Untuk mengenalpasti dan memajukan tanah-tanah wakaf dan harta-harta wakaf diseluruh Melaka sama ada melalui rancangan projek perindustrian, perumahan, perdagangan atau pertanian serta menyeragamkan

pentadbirannya. Seterusnya mengkaji dan memastikan bayaran sewa bagi rumah-rumah Wakaf Masjid Kampung Hulu dan Wakaf Masjid Kampung Keling dan bagi menyelaraskan serta menyelesaikan hal-hal yang berhubung dengan harta-harta yang tidak berwaris dan yang ada bahagian bagi Baitulmal itu sendiri.

Pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir pengurusan harta wakaf adalah seramai empat orang, iaitu diketuai seorang pegawai kumpulan A, seorang penolong pegawai kumpulan B dan 3 kerani kumpulan C. Antara bidang tugas yang dipertanggungjawab kepada mereka ialah menguruskan perkara yang berkaitan harta wakaf, iaitu harta wakaf Masjid Kampung Hulu dan Harta Wakaf Masjid Kampung Keling sahaja. Selain daripada itu, harta wakaf yang lain ditadbir oleh pihak Masjid. Perkara ini dapat diringkaskan melalui rajah 4.4.1 di bawah.


Rajah 4.4.1: Carta Organisasi Pengurusan Harta Wakaf Negeri Melaka.



Sumber: LUKMAL 2000

Merujuk kepada carta organisasi 4.4.2 di bawah, LUKMAL adalah merupakan badan pelaksana dasar-dasar yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam Melaka yang dikendalikan oleh pengurus LUKMAL. Selain Unit Wakaf Dan Baitulmal, Unit Pesaka dibentuk bagi mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan pusaka dan Unit Masjid Kampung Hulu/Masjid Kampung Keling yang berperanan menguruskan segala harta wakaf yang berada di bawah kedua-dua masjid. Semua kakitangan Unit Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling dilantik secara kontrak seramai 9 orang.

Rajah 4.4.2: Carta Organisasi LUKMAL (Bahagian Wakaf Dan Sumber Am).



Nota: (k) = Kontrak

(T) = Tetap

Sumber: LUKMAL 2000

4.5 STRATEGI PENCAPAIAN OBJEKTIF MAIM DAN LUKMAL.

Dalam usaha untuk mencapai objektif MAIM dan LUKMAL strategi berikut telah dirangka.²⁵

- i. Membangun dan meningkatkan hasil harta wakaf dan Baitulmal. Pembangunan ini harus dilakukan secara usahasama dengan institusi lain seperti Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Yayasan Pembangunan

- Ekonomi Islam Malaysia, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Melaka serta agensi-agensi lain. Harta yang hendak dibangunkan ini harus dikenal pasti dan dilaksanakan sekiranya ia berpotensi.
- ii. Mendapatkan tanah yang berpotensi daripada kerajaan sama ada tanah kerajaan atau melalui pemgambilan balik tanah untuk dibangunkan bagi meningkatkan harta MAIM.

Strategi pencapaian objektif yang dirangka oleh MAIM dan LUKMAL menampakkan kesungguhan badan tersebut dalam membangunkan harta wakaf di negeri Melaka. Penyatuan tenaga dan sumbangan kewangan daripada badan-badan korporat kepada LUKMAL merupakan jalan penyelesaian bagi mengatasi kesulitan kewangan yang menjadi punca kepada terbantutnya usaha membangunkan harta wakaf selama ini.

4.6 PROSEDUR PERWAKAFAN NEGERI MELAKA.

Prosedur perwakafan merupakan aspek yang penting bagi mempastikan harta yang diwakafkan itu sah mengikut undang-undang Syariat dan mengikut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak. Dengan adanya prosedur pendaftaran yang betul membolehkan pihak MAIM menguruskan harta wakaf dengan lebih tersusun dan seterusnya dapat mengelakkan sebarang masalah yang timbul, sama ada dari pihak pewakaf, penerima wakaf dan pihak pentadbir harta wakaf itu sendiri.

Di bawah ini penulis cuba menjelaskan dan menerangkan prosedur harta wakaf yang dilaksanakan di negeri Melaka dari sudut pendaftaran wakaf, pengesahan wakaf dan penggunaan wakaf mengikut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka.

4.6.1 PROSEDUR UNTUK BERWAKAF.

Tidak ada peraturan tertentu yang diamalkan untuk mewakafkan satu wakaf di bawah pentadbiran Majlis. Secara amnya dikatakan bahawa pihak yang hendak membuat wakaf mestilah mengemukakan satu permohonan kepada Pejabat Majlis Agama Islam dengan menyebut tujuan wakaf itu diwujudkan. Seterusnya pihak Majlis akan memeriksa harta yang hendak diwakafkan itu, bagi mempastikan ianya tidak melebihi satu pertiga harta si pewakaf.²⁶ Syarat ini berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka yang memperuntukkan di dalam Syeksen 39 (1):

"Sama ada atau tidak dibuat secara wasiat tiada wakaf atau nazr yang dibuat selepas mula berkuatkuasanya Enakmen ini dan melibatkan lebih dari satu pertiga daripada harta orang yang membuatnya boleh menjadi sah berkenaan dengan bahagian yang melebihi satu pertiga itu".

Enakmen ini menjelaskan seseorang itu tidak boleh mewakafkan lebih daripada satu pertiga harta yang dimilikinya. Sekiranya harta itu melebihi satu pertiga maka baki daripada satu pertiga itu tidak dianggap sah sebagai wakaf.

Perkara ini bersesuaian dengan undang-undang wasiat Islam, sebagaimana telah di terangkan oleh Hadith Rasulullah yang diriwayatkan oleh Sa'ad Ibn Abi Waqqas bermaksud:²⁷

"Daripada Sa'ad Ibn Abi Waqqas r.a. katanya, beliau bertanya kepada Rasulullah s.a.w. Apakah ia boleh mendermakan seluruh dari harta yang dimilikinya? (kerana ia mempunyai banyak harta dan tidak mempunyai waris kecuali anak perempuan). Rasulullah menjawab tidak boleh. Beliau bertanya lagi, apakah boleh satu perdua?, juga tidak boleh jawab baginda. Kemudian beliau bertanya lagi, apakah boleh satu pertiga? Rasulullah terus menjawab satu pertiga boleh, itupun sudah banyak. Sesungguhnya kamu tinggalkan keluarga kamu berharta, itu lebih baik daripada kamu tinggalkan dalam keadaan tidak berharta yang meminta-minta kepada orang ramai".

Daripada Hadith yang berkenaan dengan wasiat di atas boleh diaplikasikan dalam konteks wakaf yanag mana kedua-dua amalan ini menunjukkan Islam adalah agama yang menjaga kepentingan ahli keluarga selepas peninggalan pewaris. Sekiranya Islam membenarkan keseluruhan harta boleh disedekahkan sudah pasti ahli waris tidak dapat mewarisi harta si mati walaupun si mati merupakan orang yang kaya. Dengan adanya peruntukan ini akan mengukuhkan lagi hubungan kekeluargaan antara pewakaf atau pewasiat dengan warisnya. Ibn Qudāmah menambah, sekiranya lebih daripada satu pertiga mestilah mendapat kebenaran ahli waris yang lain.²⁸

Apa yang jelas ialah Islam telah meletakkan peraturan mewakafkan harta ialah satu pertiga daripada jumlah harta yang dimiliki. Walaupun Ibn Qudāmah berpendapat harta boleh diwakafkan lebih daripada satu pertiga sekiranya mendapat persetujuan ahli waris yang lain. Perkara ini sama dengan hukum wasiat yang mana harta boleh diwakafkan lebih daripada satu pertiga sekiranya pewasiat berada dalam keadaan sakit yang boleh membawa kepada kematian (*marad al-mawt*). Penulis berpendapat satu pertiga sudah memadai dalam mewakafkan harta kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu seperti pewakaf dalam keadaan *marad al-mawt* sebagaimana berpandukan kepada hukum wasiat.

4.6.2 PENDAFTARAN WAKAF.

Untuk mempastikan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf, Enakmen Pentadbiran Islam memperuntukan bahawa Majlis Agama Islam sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua jenis harta wakaf²⁹ sama ada harta tersebut dari jenis alih atau tetap, sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas.

Selain daripada Majlis Agama Islam, organisasi atau orang peseorangan tidak dibolehkan menjadi pemegang amanah bagi harta wakaf. Mana-mana pertubuhan, badan-badan atau orang peseorangan yang pernah dilantik sebagai pemegang amanah sebelum berkuatkuasanya peraturan di atas, hendaklah menyerahkan pemilikan harta wakaf kepada Majlis Agama Islam tanpa syarat selepas berkuatkuasanya peraturan di atas. Dalam masa yang sama Majlis Agama Islam sebagai pemegang amanah hendaklah menjalankan usaha yang sama agar semua harta-harta wakaf benar-benar terserah pemilikan kepadanya (Majlis Agama Islam) dan didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam. Seksyen 38 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka memperuntukan:

“semua harta yang tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 37 hendaklah, jika terletak di dalam atau diluar hendaklah, terletak kepada Majlis, tanpa apa-apa pemindahan, penyerahan atau pemindahmilikan apa jua pun, untuk tujuan Baitulmal, amanah, wakaf atau nazr am yang berkaitan”

Semasa mengendalikan pentadbiran harta wakaf, Majlis Agama Islam hanyalah bertindak sebagai pemegang amanah. Majlis Agama Islam tidak ada kuasa untuk meminda atau mengubah maksud serta tujuan sesuatu harta itu diwakafkan.

Majlis juga tidak boleh sama sekali mengambil sebarang harta wakaf sebagai modal atau aset untuk Majlis. Seksyen 41 (2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka memperuntukkan bahawa.

"jika, oleh sebab luput masa atau perubahan hal keadaan, tidak mungkin lagi dapat dijalankan secara berfaedah akan peruntukan-peruntukan tepat bagi mana-mana wakaf atau nazr am, Majlis hendaklah menyediakan satu skim bagi menggunakan harta dan aset modal yang terjejas olehnya dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan yang dikehendaki oleh terma-terma bagi wakaf atau nazr am itu yang dibenarkan oleh Hukum Syarak dan hendaklah menggunakan sewajarnya"

Peruntukan di atas jelas menunjukkan Majlis Agama Islam hanya berhak mempergunakan harta yang diwakafkan mengikut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pewakaf dengan tidak mengubah tujuan asal wakaf. Sekiranya mana-mana modal atau aset harta wakaf yang sudah benar-benar tidak berfungsi atau tidak dapat dimanfaatkan, harta itu boleh dijadikan harta Majlis Agama Islam setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertuan Agong. Walau bagaimanapun modal atau aset itu hendaklah digunakan dengan cara yang paling hampir dengan maksud wakaf.

Kajian telah mengenalpasti kebanyakan tanah-tanah wakaf di negeri Melaka masih diuruskan oleh pemegang amanah masing-masing (lihat h. 159), keadaan ini berlaku disebabkan kebanyakan wakaf dilakukan di masa lalu dengan cara wasiat oleh pewakaf ketika ingin mewakafkan hartanya dengan memanggil orang yang dipercayai dan menyerahkan kepadanya untuk menguruskan harta itu tanpa perjanjian dengan jelas.³⁰ Wakaf ini menimbulkan permasalahan yang rumit, kerana ia banyak bergantung kepada kejujuran waris-waris yang dilantik oleh pewakaf semasa melakukan pemecahan hak milik. Perkara ini berlaku kerana sebelum tahun 1959 hanya terdapat peraturan Muslim and Hindu Endowment 1911 yang menguruskan

tentang masalah hal-hwal orang Islam, tetapi pelaksanaannya tidak menyeluruh³¹. Oleh yang demikian, kebanyakan harta-harta wakaf yang ada menjadi harta warisan atau harta pusaka.

Penyelewengan juga dikatakan terjadi akibat ketidakjujuran pemegang amanah yang merupakan pentadbir bagi harta-harta yang diwakafkan. Oleh kerana harta yang diwakafkan tidak didaftarkan,³² setelah orang yang mewakafkan meninggal dunia, seringkali orang atau pihak yang diamanahkan untuk menjaga atau mentadbir harta wakaf tersebut telah menggunakan hasil wakaf untuk kepentingan sendiri, malah kadangkala telah mengambil alih pemilikannya. Sementara di pihak waris orang yang mewakafkan pula telah membuat tuntutan bahawa tanah itu bukan tanah wakaf. Seperti yang berlaku di Kampung Bukit Senggih di atas tuntutan seorang yang mengaku pewaris kepada si mati setelah pihak Majlis Agama Islam merekodkan tanah itu sebagai tanah wakaf kerana tidak ada yang mengaku sebagai pewaris selepas kematian si mati. Kes ini tidak ada penyelesaiannya kerana bukti yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut tidak jelas.³³

Bagi mengelakkan kekecohan dan tuntutan daripada ahli-ahli waris, pihak LUKMAL telah menetapkan bahawa setiap orang yang ingin mewakafkan tanah atau sesuatu harta, ia mestilah menyerahkan terus kepada LUKMAL untuk direkod atau didaftarkan mengikut proses yang telah ditetapkan.³⁴ Di samping itu, Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam untuk menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas, semua nazr am dan semua amanah daripada segala perihal yang

mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam mengikut Hukum Syarak.³⁵

Peruntukan ini berkuatkuasa dengan syarat bahawa semua harta yang berkaitan terletak di dalam atau di luar negeri Melaka dan orang yang menjadikan amanah, wakaf atau nazar am mestilah bermastautin di dalam negeri Melaka. Kuasa ini diberikan tanpa mengambil kira kepada mana-mana syarat yang berlawanan di dalam mana-mana surat, kenyataan atau pengistiharan yang ada dan yang telah dibuat sebelumnya.³⁶

Dalam menerima permohonan sesuatu wakaf pihak LUKMAL terlebih dahulu mengenalpasti sama ada wakaf yang dibuat itu wakaf sepenuhnya atau wakaf sebahagian. Kalau sekiranya seseorang ingin mewakafkan sebahagian daripada hartanya maka ia melibatkan keluasan tanah tersebut. Di negeri Melaka syarat yang telah ditetapkan bagi wakaf tanah pertanian ialah satu ekar untuk penama sahaja.³⁷ Contohnya A memiliki satu ekar tanah ingin mewakafkan keseluruhan harta dan tanahnya daripada tanah itu. Dalam hal ini seseorang itu mesti menyerahkan tanah kepada kerajaan mengikut Kanun Tanah Negara.³⁸ Kanun Tanah Negara mensyaratkan pindah hak milik tanah di bawah satu hak milik atau pindah hak milik bahagian-bahagian tak pecah hendaklah memenuhi syarat berikut.³⁹

- i. Pindah hakmilik mana-mana tanah hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang 14A.⁴⁰
- ii. Hakmilik pemindah milik hendaklah terserah dan terletak hak kepada penerima pindah milik apabila pendaftaran mana-mana pindah hakmilik

dibuat, bersekali dengan faedah mana-mana kepentingan berdaftar yang dinikmati pada ketika itu bersama dengan tanah itu.

- iii. Penerima pindah milik mana-mana tanah bermilik hendaklah memegang tanah hakmilik tertakluk kepada:

- Apa-apa pajakan, cagaran atau kepentingan berdaftar lain yang sedia ada mengenainya pada masa pindah hakmilik didaftarkan.
- Semua syarat dan sekatan kepentingan yang pada ketika itu boleh dipakai kepadanya.
- Apa-apa perkara lain yang pada ketika itu tercatit di atas, atau disebut di dalam dokumen hak milik.

Syarat yang dikenakan oleh Pejabat Tanah untuk mendapatkan kelulusan menyerah balik tanah yang tersebut di atas ialah:⁴¹

- i. Permohonan menyerah balik tanah hendaklah dibuat secara bertulis dan menyatakan maksud ianya diserahkan balik.
- ii. Permohonan untuk menyerahkan balik seluruh harta yang dimiliki hendaklah menggunakan borang 12A,⁴² sementara untuk menyerah balik sebahagian tanah menggunakan borang 12B.⁴³
- iii. Apa-apa bayaran yang ditetapkan.
- iv. Bahawa tiada butiran tanah yang terhutang.
- v. Tanah berkenaan tidak di bawah tahanan mana-mana mahkamah.
- vi. Bahawa tiap-tiap orang atau badan yang mempunyai kepentingan di atas tanah berkenaan telah memberikan keizinan secara bertulis untuk menyokong permohonan tersebut.

Setelah kelulusan menyerah balik tanah diterima, tanah berkenaan menjadi milik kerajaan, setelah itu Majlis Agama Islam akan memohon tanah berkenaan kepada kerajaan negeri sebagai wakaf, atas nama Majlis Agama Islam sebagai pemegang amanah. Bayaran premium tanah, cukai tahunan tanah, bayaran ukur dan bayaran hak milik tanah akan dikenakan apabila permohonan Majlis terhadap tanah itu diluluskan.⁴⁴ Majlis Agama Islam boleh memohon kepada pihak berkuasa negeri di atas pengecualian bayaran premium tanah dan pengurangan kadar cukai tahunan tanah wakaf seperti yang telah diperuntukkan.⁴⁵

Telah menjadi amalan prosedur wakaf negeri Melaka, apabila seseorang yang ingin mewakafkan hartanya hendaklah berjumpa terus dengan pengurus LUKMAL atau menulis surat lafadz wakaf kepada Majlis Agama Islam dan menerangkan tujuan wakaf tersebut dengan menyatakan kadar harta atau keluasan tanah dan kedudukannya secara jelas. Sekiranya tidak diterangkan tujuan wakaf itu, pihak LUKMAL berhak menentukan sebarang bentuk penggunaannya yang difikirkan sesuai. Di samping itu, orang yang mewakafkan juga dikehendaki mengisi borang 12A atau borang 12B, yang dikembarkan bersama surat penyerahan tanah dan menyertakan geran tanah untuk perhatian pihak Majlis sebagai bukti apabila berlaku sebarang tuntutan.⁴⁶

Kemudian pihak Majlis akan menetapkan tarikh untuk pewakaf hadir ke Pejabat Tanah untuk tukar milik kepada nama Majlis Agama Islam Melaka sebagai pemegang amanah. Apabila sesuatu wakaf itu telah dilafazkan, ia perlu dilaksanakan dengan segera tanpa menangguhan atau disyaratkan kepada sesuatu perkara yang akan berlaku di masa akan datang. Pelaksanaan segera ini perlu kerana lafadz wakaf itu

memberi kesan pelepasan hak milik orang yang mewakafkan sebaik sahaja wakaf itu dilaksanakan. Bagi peringkat kampung pula, Imam atau Penghulu juga berhak menerima harta yang hendak diwakafkan itu tetapi hendaklah dilaporkan kepada Majlis dengan mengikut proses-proses yang ditetapkan untuk di rekod dan didaftarkan.⁴⁷ Rajah 4.6.2 di bawah merupakan proses pendaftaran wakaf yang diamalkan di negeri Melaka.

Rajah 4.6.2: Proses Pendaftaran Wakaf Negeri Melaka.



Sumber: LUKMAL 2000

4.6.3 PENGESAHAN WAKAF.

Segala surat dan maklumat mengenai wakaf hendaklah dicatit dengan jelas dan terang serta disimpan oleh Majlis Agama Islam dengan sebaik-baiknya untuk tujuan bukti dan semakan kemudian hari. Perkara ini telah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka Seksyen 41 (4):

“Majlis hendaklah mengadakan satu Buku Daftar bagi mendaftarkan semua harta, modal dan harta benda termasuklah sekuriti-sekuriti yang telah diwakafkan atau dinazrkan”.

Begitu juga segala catitan dan syarat-syarat di dalam sesuatu wakaf perlulah difahami betul-betul oleh pihak Majlis, seandainya catitan tersebut kurang difahami maka Majlis perlu merujuk kepada “Mahkamah Tinggi Syariah” bagi mendapatkan penjelasan muktamad. Seksyen 42 memperuntukkan:

“Jika pada pendapat Majlis makna natijah mana-mana suratcara atau pengistiharan yang mewujudkani atau melibatkan mana-mana wakaf nazar am adalah samar-samar atau tidak nyata, Majlis bolehlah merujuk perkara itu kepada Mahkamah Tinggi Syariah bagi mendapatkan pendapatnya tentang makna atau natijahnya”.

Setiap wakaf khas yang dibuat oleh pewakaf adalah sah setelah mendapat perkenaan daripada Yang DiPertuan Agong dengan nasihat Majlis atau wakaf menjadi sah apabila wakaf khas ini dibuat semasa pembuat wakaf sakit tenat akhirnya meninggal dunia. Semasa dalam keadaan sakit itu, pewakaf telah membuat secara bertulis dan disaksikan oleh dua orang Islam dewasa yang tinggal di kariah masjid yang sama dengan pewakaf. Perkara ini diperuntukan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1991 di dalam Seksyen 39 (2):

"Tiap-tiap wakaf khas atau nazar yang dibuat selepas mula berkuatkuasanya Enakmen ini adalah batal dan tidak sah melainkan:

- a). *Yang Dipertuan Agong atas nasihat Majlis adalah dengan nyata memperkenankan dan mengesahkannya dengan cara tulisan dan*
- b). *Jika ia telah dibuat semasa pembuatnya sakit tenat dan kemudian meninggal dunia akibat sakit itu, wakaf khas atau nazar itu hendaklah dibuat secara bertulis melalui surat cara yang disempurnakan olehnya dan disaksikan oleh dua orang Islam dewasa yang tinggal di kariah masjid yang sama dengan pembuat itu".*

Peruntukan ini dibuat adalah untuk memastikan pembuat wakaf melakukan amalan dengan betul, kerana orang yang berada dalam keadaan sakit tenat boleh dipertikaikan kesahihan wakaf itu sama ada dilakukan sewaktu sedar (waras) ataupun tidak sedar (tidak waras). Dengan syarat dan peraturan ini pewakaf yang sakit tenat boleh diterima wakafnya. Dengan adanya penyerahan wakaf secara bertulis dan disaksikan oleh dua orang Islam itu adalah untuk mengelakkan sebarang penyelewengan berlaku terhadap harta tersebut.⁴⁸

Apa yang diperuntukan dalam Enakmen tersebut sama dengan apa yang telah dilakukan pada zaman sahabat dan juga berlaku zaman tabi'in. Amalan wakaf bukan sekadar lafadz bahkan ditambah dengan tulisan agar amalan itu menjadi lebih jelas kerana disebalik perkataan wakaf itu mungkin terdapat beberapa syarat yang dikehendaki oleh pewakaf sendiri.

4.7 POLISI WAKAF DI NEGERI MELAKA.

4.7.1 PENGGUNAAN WAKAF.

Penggunaan manfaat harta wakaf terbahagi kepada dua iaitu penggunaan khusus dan penggunaan umum. Penggunaan khusus bermakna harta wakaf dan hasil daripadanya tidak digunakan untuk tujuan-tujuan lain melainkan apa yang telah ditentukan oleh pewakaf. Sebaliknya jika diwakafkan dalam bentuk penggunaan umum, seperti untuk kebajikan umat Islam maka ia ditakrif sebagai wakaf am. Pengurusan dan penggunaannya diamanahkan kepada pemerintah dan hasil dimasukkan ke dalam kumpulan harta Baitulmal.⁴⁹

Dari segi penggunaan wakaf, kebanyakan harta wakaf ini disewa kepada orang ramai supaya harta itu dapat memperolehi hasil yang berterusan. Harta yang digunakan seperti itu adalah terdiri dari tanah lot atau yang sesuai untuk tapak perumahan atau bangunan lain, rumah kediaman, rumah-rumah kedai dan sebagainya.⁵⁰

4.7.2 PENGGANTIAN WAKAF.

Seksyen 41 (2) Enakmen Pentadbiran Negeri Melaka menyatakan:

"Jika oleh sebab luput masa atau perubahan hal keadaan, tidak mungkin lagi dijalankan secara herfaedah akan peruntukan-peruntukan tepat bagi mana-mana wakaf atau nazar am, Majlis hendaklah menyediakan satu skim bagi menggunakan

harta dan aset modal yang terjejas olehnya dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan yang dikehendaki oleh terma-terma bagi wakaf atau nazar am itu yang dibenarkan oleh Hukum Syarak dan hendaklah menggunakan sewajarnya. Dengan syarat bahawa Majlis mengarahkan supaya harta dan aset itu hendaklah ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal”.

Menurut peruntukan di atas, Majlis dikehendaki menyediakan satu skim penggunaan harta wakaf mengikut cara-cara yang dibolehkan oleh syarak. Jika sesuatu wakaf itu tidak dapat ditentukan cara penggunaanya, Majlis boleh mengarahkan supaya harta tersebut dimasukkan ke dalam atau menjadi sebahagian daripada harta Baitulmal.

4.7.3 PEWAKAFAN HARTA YANG TIDAK DINYATAKAN KEGUNAANNYA.

Sementara pendapatan atau hasil yang diperolehi oleh Majlis Agama Islam dari sumber wakaf am atau wakaf khas yang tidak dinyatakan syarat pengunaannya, Majlis berhak menggunakaninya. Di dalam seksyen 93 (3) diperuntukkan:

“Jika syarat sesuatu wakaf atau nazar am adalah sedemikian bahawa cara menggunakan harta modal dan harta benda yang bersabit dengannya itu tiada ditentukan atau tiada tentu caranya hendaklah digunakan, maka Majlis boleh memerintahkan bahawa harta modal dan harta benda itu hendaklah ditambah kepada dan menjadi sebahagian kumpulan wang pentadbiran am”.

Walau bagaimanapun amalan biasa yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam ialah segala pendapatan hasil daripada harta wakaf am dan wakaf khas di masukkan ke dalam Akaun Wang Pentadbiran Am Majlis Agama Islam dan digunakan dalam pelbagai kegiatan Islam. Manakala harta modal dari wakaf am dan wakaf khas dan

hasil yang diperolehi, hanya digunakan mengikut syarat-syarat di dalam wakaf itu sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 92 (2) di bawah:

“Pendapatan dari tiap-tiap wakaf yang lain dari tiap-tiap nazr am hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian kumpulan pentadbiran am”.

Pendekatan yang dilakukan oleh Baitulmal terhadap harta wakaf bersesuaian dengan kaedah Islam iaitu bertindak sebagai badan amanah ke atas harta orang Islam dan bukan Islam.⁵¹ Baitulmal memainkan peranan penting dalam mengendalikan harta orang Islam dan mengawal perkembangan ekonomi negeri. Sebagai agen pembangunan, badan amanah dan agensi perdagangan, sudah pastinya institusi ini memerlukan kuasa yang penuh untuk menjalankan fungsinya.⁵²

4.8 KESIMPULAN

Secara umumnya tindakan kerajaan menubuhkan Majlis Agama di setiap negeri khususnya di negeri Melaka menggambarkan keperihatinan pihak kerajaan terhadap masyarakat Islam itu sendiri. MAIM merupakan sebuah badan yang telah diamanahkan oleh kerajaan bagi mengendalikan harta orang Islam di negeri Melaka. Daripada perbincangan di atas menjelaskan MAIM menguruskan harta wakaf bagi masyarakat Islam di negeri Melaka berdasarkan peruntukan-peruntukan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Melaka 1991 yang telah sedia ada. Ini menunjukkan MAIM tidak menguruskan harta wakaf itu dengan sewenang-wenangnya tanpa merujuk kepada undang-undang.

¹Majlis Agama Islam Melaka, Majlis Taklimat/Kajian Pengurusan Organisasi dan Kewangan, 19-20 April 1999, h. 1.

²Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara*, Petaling Jaya: al-Rahmaniah, h. 198.

³Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1992), *Sistem Undang-Undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, h. 48.

⁴Hamid Jusoh (1990), "Pemakaian Undang-Undang Islam Kini dan Masa Hadapannya di Malaysia", *Al-Ahkam*, j.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 63-66.

⁵Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, (1992), *op.cit*, h. 49,50.

⁶Ibid, h. 12.

⁷Abu Bakar Abdullah (1986) ,*Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Malaysia: Masalah dan Penyelesain*, Terengganu: Pustaka damai Kuala Terengganu, h. 64.

⁸Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak Melaka, tahun 1959, seksyen 37(1).

⁹Othman Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1981, h. 50.

¹⁰Perlembagaan Persekutuan, 1990, h. 56.

¹¹Kumpulan Penyelidik ITM Melaka (1997), "Perkembangan Islam Di Malaysia: Kajian Kes di Negeri Melaka", (kertas kerja Konvensyen Melaka dalam Perkembangan Islam Serantau), h. 10.

¹²Nik Mohd Zain Yusuf (1990), "Kanun Tanah Negara: Aspek-Aspek Perancangan Dalam Islam", (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Undang-Undang Hartanah: Pendekatan Islam, Selangor), h. 27.

¹³Lihat *Perlembagaan Persekutuan Malaysia*, Jadual Ke-9, Senarai 2(1).

¹⁴Mustafa Abdul Rahman (1991), "Zakat dan Wakaf: Perlaksanaan Di Malaysia", dibentangkan dalam (Simposium Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, UTM Sekudai), November, h. 4.

¹⁵Temubual dengan Encik. Sharif Somatullah, Pengurus Lembaga Wakaf, Zakat dan Baitulmal, pada 25hb..April.1999.

¹⁶Hamat@ Mustafa bin Abd Rahman (1986), "Masalah-Masalah Yang Menghalangi Pembangunan Harta-Harta Wakaf Dari Sudut Pentadbiran(Perhatian Khusus Di Negeri Perak)", (Seminar Pengurusan dan Pentadbiran Harta-Harta Wakaf Peringkat Kebangsaan, anjuran bersama Majlis Agama Islam Perak dan JPM, Kuala Lumpur, 24&25 Nov), h. 2.

¹⁷Majlis Agama Islam Melaka, Majlis Taklimat/Kajian Pengurusan Organisasi dan Kewangan, h. 1.

¹⁸*Ibid.*

¹⁹Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, seksyen 27.

²⁰*Ibid.*

²¹Baladhrī (1319H/1901), *Futūh al-Baldān*, j.1. Kahirah: Shirkah Tabai' al-'Arabiyyah, h. 136.

²²Halaini Muji Tahir (1988), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Institusi Kewangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, h. 74.

²³Temubual dengan En. Syarif Somatullah, 25hb. April 1999.

²⁴Sejenis denda/tebusan yang dikenakan kepada orang Islam yang melakukan beberapa kesalahan tertentu dalam ibadah, atau menebus ibadah (kerana uzur). Iaitu dengan memberikan sedekah kepada fakir miskin berupa makanan yang mengenyangkan. Dr. M. Rauwwas Qala'ah Jl (1405H/1985), *Mu'jam Lughat al-Fuqaha*, Beirut: Dar al-Nafais, Cetakan Pertama, h. 341. Lihat juga, M. Abdul Mujieb, Mabruri Tholhah dan Syafi'ah Am (1997), *Kamus Istilah Fiqh*, Advance Publication, h. 77.

²⁵Kertas kerja Majlis Agama Islam Melaka, *op.cit*, h. 36.

²⁶Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, Ketua Penolong Pengarah LUKMAL, pada 12hb. Feb. 1999.

²⁷al-Kahlani (1379H/1960), *Subul al-Salam*, j. 3. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 104.

²⁸Ibn Qudāmah (t.t), *al-Mughnī*, j. 5. Mesir: Matba'ah al-Imām, h. 514.

²⁹Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka, seksyen 89 (2).

³⁰Temubual dengan Haji Abdul Rahman Haji Abu Bakar (Imam Masjid Paya Rumput Melaka), pada 1hb. Jun. 2000.

³¹Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, pada 12hb. Feb. 1999

³²Temubual dengan Tuan Haji Abd. Jalil Bin Yatim (Pengerusi Masjid Pengkalang Ranggam), pada 1hb. Jun. 2000.

³³Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, pada 12hb. Feb. 1999

³⁴*Ibid.*

³⁵Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, seksyen 37(2).

³⁶Seksyen 38 dan 39.

³⁷Temubual dengan En. Mohd Sharif Somatullah, pada 12hb. Feb. 1999

³⁸Kanun Tanah Negara tahun 1965, seksyen 62(1).

³⁹Ibid, seksyen 215.

⁴⁰Lihat Lampiran A.

⁴¹Kanun Tanah Negara, seksyen 196, 197, 200.

⁴²Lihat Lampiran B.

⁴³Lihat Lampiran C.

⁴⁴Kanun Tanah Negara, seksyen 81.

⁴⁵Temubual dengan, En. Mohd Sharif Somatullah, pada 17hb. Feb. 1999

⁴⁶*Ibid*

⁴⁷*Ibid.*

⁴⁸Temubual dengan, En. Mohd Sharif Somatullah, pada 3hb. April 2000.

⁴⁹Hailani Muji Tahir, *op.cit*, 1988, h. 31.

⁵⁰Syed Othman Al-Habsyi (1986), "Konsep Wakaf dan Pelaksanaan di Malaysia", (Seminar Pengurusan Dan Pentadbiran Harta-Harta Wakaf Peringkat Kebangsaan, Kertas Kerja Anjuran Bersama Majlis Agama Islam Perak dan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur), h. 36.

⁵¹Halaini Muji Tahir (1402H/1982), *Institusi Kewangan Negara Islam*, al-Rahmaniah (badan dakwah dan kebajikan Islam Malaysia), h. 130.

⁵²*Ibid*. h. 29.